

Surat Kami : 500 ILQaM (17/5/3)  
Tarikh : 30 Mac 2007

Semua  
Dekan Fakulti  
Pengarah Kampus  
Ketua Bahagian/Unit  
Universiti Teknologi MARA

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

### **KURSUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) DI BAWAH SISTEM SARAAAN MALAYSIA (SSM) UNTUK TAHUN 2007 BAGI STAF AKADEMIK UiTM**

Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Kepimpinan dan Pengurusan Kualiti (ILQaM) akan menganjurkan Peperiksaan dan Kursus Penilaian Tahap Kecekapan bagi tahun 2007 pada Jun 2007. Staf akademik adalah dipelawa memohon untuk menduduki PTK sebagai salah satu syarat anjakan gaji dan kenaikan pangkat.

#### **SYARAT-SYARAT LAYAK MENDUDUKI PTK**

1. Memilih Sistem Saraan Malaysia
2. Jawatan Tetap
3. Prestasi terkini sekurang-kurangnya 80%
4. Telah disahkan dalam jawatan
5. Berada di gred jawatan hakiki
6. Disokong oleh Ketua Jabatan

#### **PERMOHONAN**

Semua permohonan boleh dibuat secara on-line mulai **19 April 2007**. Staf akademik diminta mendaftar dengan **portal i-staf** untuk membolehkan capaian dibuat bagi membolehkan pendaftaran dibuat secara on-line dengan melayari laman web UiTM di [www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my). Bersama ini dilampirkan syarat dan tatacara penggunaan sistem ePTK untuk makluman.

#### **TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **13 Mei 2007**.

Sehubungan dengan itu, sukacita Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan dapat memanjangkan perkara tersebut di atas kepada staf akademik di fakulti/kampus/bahagian masing-masing.

Sekian.

Yang benar



**PROF. MADYA DR. MOHD MUSTAFA MOHD GHAZALI**  
Penolong Naib Canselor (Kepimpinan)  
Merangkap  
Setiausaha Bersama  
Lembaga Penilaian Kompetensi UiTM

s.k. Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan)  
Pendaftar